

Headline	Seorang lagi jemaah meninggal		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Black/white
Date	23 Sep 2013	Circulation	324,097
Section	Setempat	Readership	1,981,000
Page No	14	ArticleSize	61 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 1,258
Journalist	N/A	PR Value	RM 3,773
Frequency	Daily		



Seorang lagi jemaah meninggal

Maktabah: Seorang lagi jemaah haji Malaysia, Hashim Abdul Latif, 60, menjadi jemaah Malaysia kedua yang meninggal dunia akibat masalah jantung, di sini jam 12.01 pagi, kelmarin.

Ketua Rombongan Haji Malaysia Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman berkata, jenazah Hashim diurus Tabung Haji dan dikebumikan di tanah perkuburan Ma'ala di Makkah selepas solat Zuhur, kelmarin.

Beliau berkata, Hashim disahkan meninggal dunia di Klinik Maktab 100, Rehab Jannahriyyah, di sini.

"Tabung Haji akan membantu isterinya dari segi bimbang dan bantuan kaunseling menerusi pembimbing ibadah haji Tanah Suci selain bantuan lain bagi membolehkan isterinya dapat menunaikan haji," katanya kepada media di Makkah, semalam.

Allahyarham yang tiba di sini dengan ditemani isterinya, Rosnamsiati Mohd Daham, 59, berasal dari Lot 50721, Regat Rapat Jaya, Kampung Rapat Jaya, Ipoh, Perak.

Tabung Haji akan melaksanakan badal haji untuk Allahyarham tanpa sebarang bayaran.